

Maritim tahan bot tangkap ikan di zon larangan

SA 15/3/2021

FOTO: IHSAN MARITIM PERAK

M/S 24

Antara bot nelayan dikesan melakukan tangkapan di zon larangan di Lumut pada Ahad.



LUMUT - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) Perak menahan dua bot nelayan kelas C kerana menjalankan aktiviti perikanan dalam jarak kurang 12 batu nautika di sini pada Ahad.

Pengarahnya, Kepten Shahrizan Raman berkata, tangkapan dilakukan semasa rondaan Ops Benteng pada kedudukan lebih kurang 2.5 batu nautika barat Pulau Pangkor sekitar jam 1 pagi.

“Ketika ditahan, kedua-dua bot yang dikendalikan 41 kru termasuk 20 warga Thailand sedang melakukan aktiviti perikanan berhampiran Pulau Pangkor.

“Mereka disyaki telah melakukan kesalahan kerana syarat sah lesen bot kelas C tidak membenarkan aktiviti penangkapan ikan dalam jarak kurang 12 batu nautika dari kawasan yang telah diwartakan oleh Jabatan Perikanan Malaysia,”

katanya dalam satu kenyataan di sini.

Menurutnya, pemeriksaan lanjut mendapati kesemua kru yang ditahan berusia 20 hingga 55 tahun itu mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah.

“Mereka disyaki telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 8 (B)(i) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan kurang dari 5 batu nautika.

“Kru dan tekong, dua bot serta 330 kilogram ikan telah ditahan dan dibawa ke Pusat Tahanan Vessel (PTV) Kampung Bharu untuk tindakan lanjut,” katanya.

Shahrizan menasihatkan komuniti nelayan tempatan terutama bot kelas B dan C supaya mematuhi syarat-syarat sah lesen agar tidak menjejaskan sumber pendapatan nelayan pesisir pantai dan nelayan tradisional.